

FPP BizNewz

January - May 2025

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

DIGITAL MARKETING
in a digital age

BRAIN DRAIN

A Point of View in Malaysia

**MENTAL
HEALTH**

Bagaimanakah Penularan

**PLANKTON
MERBAHAYA**

*Memberi Kesan kepada
Usahawan Pesisiran Pantai*

**BULUT
LUNING**



**PERANAN
MAJIKAN
DALAM
MENANGANI
TEKANAN KERJA
PEKERJA**

BUBU NAGA

Sekat Rezeki Nelayan Tradisional

**MOTIVATING
MINDS**

*How Lecturers Can Use Positive
Reinforcement to Boost*


HUTANG
Kawan atau Lawan?

Unik tapi Benar
KANTUNG MADU KELULUT BERBEZA

RINTANGAN INSULIN

Punca, Risiko dan Hubungannya dengan Diabetes

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date

1 June 2025

Pengaruh Budaya Kafe Terhadap Kehidupan Sosial dan Akademik Mahasiswa Universiti

Nor Hamiza Mohd Ghani, Noor Hafiza Mohammed, Sholehah Abdullah, Salwani Affandi
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Terengganu, Malaysia

Emel Koresponden: norha825@uitm.edu.my

Kehidupan mahasiswa masa kini jauh berbeza jika dibandingkan dengan kehidupan mahasiswa pada zaman dahulu. Selari dengan pepatah, "bumi berputar, zaman beredar", perubahan ekonomi, perkembangan teknologi, serta gaya hidup telah banyak mempengaruhi kehidupan mahasiswa hari ini. Jika diimbangi kembali zaman penulis sebagai seorang mahasiswa di awal tahun 2020-an, terdapat perbezaan ketara dari segi gaya hidup, pergaulan dan suasana pembelajaran di universiti. Dahulu, apabila tamatnya waktu kelas, aktiviti yang biasa dilakukan termasuk bersukan, menonton televisyen di kolej ataupun berehat di dalam bilik, namun semuanya agak berbeza kini.



Kini, persekitaran di kebanyakan universiti sendiri telah mengalami perubahan. Pelbagai aktiviti boleh dilakukan oleh mahasiswa untuk menghilangkan tekanan belajar sama ada aktiviti di dalam atau di luar kampus. Salah satu aktiviti yang semakin menjadi pilihan mahasiswa kini adalah menghabiskan masa di kafe. Budaya ini menjadi fenomena biasa dalam kehidupan sebagai mahasiswa universiti. Aktiviti ini bukan sahaja menjadi sebahagian daripada gaya hidup moden, tetapi turut mencerminkan perubahan corak interaksi sosial. Selain itu, kafe juga menjadi tempat pencarian inspirasi, serta tempat menghilangkan tekanan harian. Artikel ini akan membincangkan faktor-faktor yang mendorong kepada tarikan budaya ini terhadap mahasiswa universiti.




Antara faktor utama yang mendorong mahasiswa untuk menghabiskan masa di kafe moden adalah kemudahan Wi-Fi percuma yang disediakan. Kemudahan ini menarik minat mahasiswa untuk menghabiskan masa di situ kerana ia membolehkan mereka belajar secara maya, menyiapkan tugas, atau melakukan penyelidikan dengan lebih mudah (Estika, I., & Asriwandari, H., 2017). Ini adalah kerana kebanyakan tugas yang diberikan oleh pensyarah memerlukan akses internet bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan dan kafe dengan kemudahan internet ini menjadi tempat yang sesuai untuk menyiapkan tugas terutama secara berkumpulan.

Selain itu, suasana kafe yang selesa juga menarik minat mahasiswa menghabiskan masa di kafe. Reka bentuk dalaman yang estetik dan santai di kafe mewujudkan suasana kondusif untuk belajar atau bersosial (Annisa, et.all, 2021). Berbanding dengan suasana formal di dalam kelas atau perpustakaan, suasana di kafe lebih selesa dan santai. Terdapat juga kafe yang mengadaptasi tema atau konsep dekorasi tertentu seperti konsep mewah, tradisional, fiksyen sains, minimalis dan lain-lain. Pencahayaan yang sesuai turut memberi keselesaan kepada pelanggan.

Ruang dan suasana kafe yang menarik juga menjadikannya pilihan sebagai tempat pertemuan bersama rakan-rakan dan kumpulan belajar untuk berkongsi idea serta membina hubungan sosial yang lebih erat. Kebanyakan lokasi kafe berada di persekitaran kampus, bandar atau di lokasi tempat tumpuan orang ramai. Malahan di universiti sendiri, terdapat juga kafe yang beroperasi seiring dengan keperluan gaya hidup mahasiswa masa kini.

Boleh dikatakan bahawa kebanyakan remaja atau golongan muda suka menghabiskan masa di kafe di mana budaya bersantai di kafe ini sering dikaitkan dengan gaya hidup urban dan moden. Minuman kopi premium seperti latte, cappuccino, mocha, espresso dan lain-lain, kini bukan sahaja menjadi keperluan tetapi juga mewakili simbol status sosial. Kebiasaannya harga bagi setiap minuman ini boleh dikategorikan sebagai mahal, namun terdapat juga harga yang mampu milik dikalangan mahasiswa. Selain itu, variasi makanan yang disediakan turut menarik perhatian mahasiswa. Makanan yang enak dengan harga yang berpatutan menjadi tarikan utama mereka untuk berkunjung ke kafe selain tawaran promosi khas untuk mereka turut ditawarkan.

Budaya menghabiskan masa di kafe dalam kalangan mahasiswa universiti merupakan fenomena yang semakin berkembang. Dengan pendekatan yang betul, budaya ini boleh dimanfaatkan sebagai ruang untuk mengembangkan potensi diri dan memperkayakan pengalaman hidup sebagai mahasiswa. Secara keseluruhan, kafe menjadi pilihan utama kerana ia menawarkan gabungan suasana kondusif untuk pembelajaran, ruang untuk interaksi sosial, dan suasana tenang yang selari dengan gaya hidup mahasiswa hari ini.





BizNewz 2025
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com